

1. Pilih pernyataan yang menghasilkan kesan pergerakan garisan yang paling hebat.

- A. Pergerakan air di tasik
- B. Pergerakan air kolam
- C. Pergerakan air terjun
- D. Pergerakan air laut

2. _____ ialah percantuman antara permulaan garisan dengan penghujung garisan.

- A. Garisan
- B. Jalinan
- C. Bentuk
- D. Rupa

3. Apakah maksud jalinan?

- A. Corak pada permukaan kain
- B. Corak pada badan kuda belang
- C. Jalinan pada batang pokok
- D. Kesan atau rasa sesuatu permukaan

4. Merah, kuning dan biru merujuk kepada

- A. Warna asas
- B. Warna sekunder
- C. Warna tertier
- D. Warna panas

5. Pilih kumpulan warna sekunder.

- A. Biru, merah dan kuning
- B. Hijau, hitam dan ungu
- C. Merah, jingga dan perang
- D. Hijau, ungu dan jingga

6. Antara berikut, yang manakah mempunyai ruang konkrit?

- A. Catan C. Arca
- B. Cetakan D. Lukisan

7. Pilih pernyataan yang betul tentang bentuk.

- A. Bentuk terhasil apabila permulaan garisan bertemu dengan penghujung garisan.
- B. Bentuk dapat dilihat dari pelbagai sudut.
- C. Bentuk mempunyai satu permukaan sahaja.
- D. Sebuah kotak merupakan satu bentuk ilusi.

8. Sebuah buku merupakan bentuk _____, lukisan buku pula ialah bentuk _____.

- A. ilusi, konkrit
- B. rupa, konkrit
- C. konkrit, rupa
- D. konkrit, ilusi

9. Antara berikut pernyataan manakah yang tidak benar tentang catan?

- A. Dihasilkan menggunakan krayon
- B. Menggunakan media daripada cat minyak
- C. Menggunakan akrilik
- D. Dihasilkan menggunakan catan air

10. Warna merah, kuning dan coklat sesuai digunakan untuk catan yang menggambarkan waktu berikut

- A. pagi C. tengah hari
- B. senja D. malam


X mempunyai tinggi, lebar, jisim dan berat

11. X dalam pernyataan di atas merujuk kepada

- A. garisan
- B. bentuk
- C. rupa
- D. jalinan

12. Antara pernyataan berikut, yang manakah benar tentang ruang ilusi?

- A. Warna objek di hadapan lebih kabur, manakala objek di belakang semakin jelas.
- B. Saiz objek yang sama di hadapan lebih kecil berbanding dengan objek di belakang.
- C. Warna objek di hadapan lebih jelas, manakala objek di belakang semakin kabur.
- D. Objek yang sama saiz, tetap sama walau di mana ia diletakkan.



13. Jika P diwarnai dengan warna biru gelap, apakah warna yang sesuai untuk Q bagi menunjukkan warna bertindak positif?

- A. Hijau C. Kuning
- B. Hitam D. Merah

14. Antara berikut, yang manakah tidak mempunyai harmoni garisan?

- A. Dawai pagar
- B. Corak pada wau
- C. Sarang labah-labah
- D. Kulit seekor siput

15. Prinsip penegasan dalam seni ialah
A. Satu cara untuk mewujudkan titik tumpuan sesuatu perkara
B. Salah satu unsur seni
C. Keadaan yang menunjukkan sebuah rekaan lebih menarik
D. Ciri yang bertentangan dalam gubahan

16. Antara objek di bawah, yang manakah tidak mempunyai imbalan simetri?
A. Jam dinding
B. Senjata keris
C. Wau
D. Tayar kenderaan

17. Antara berikut, objek buatan manusia yang manakah tidak menghasilkan pergerakan?
A. Roda basikal
B. Jarum jam
C. Kipas angin
D. Bekas makanan

18. Alam semulajadi mempunyai unsur kota dan kepelbagaian kerana
A. Terdapat pelbagai spesies flora dan fauna
B. Wujud ikan yang serupa bentuk dan warna
C. Terdapat batu karang daripada spesies yang sama
D. Wujud sekumpulan haiwan yang sama sahaja



19. Sekiranya kamu menjumpai papan tanda di atas di hujung jalan, ia menunjukkan maksud berikut :
A. Berhati-hati
B. Arah pergerakan
C. Teruskan perjalanan
D. Arah Bandar

20. Antara berikut bahagian yang manakah pada kain batik sarung menjadi penegasan?
A. Kaki kain
B. Kepala kain
C. Pengapit kain
D. Badan kain

21. Jika kamu ingin menunjukkan kesan kontra melalui warna, kumpulan warna yang manakah kamu akan gunakan?
A. Warna panas
B. Warna sejuk
C. Warna penggenap
D. Warna sewarna

22. Antara berikut, yang manakah tidak benar mengenai kontra?
A. Warna bunga berkontra dengan latar belakangnya.
B. Mesej dapat disampaikan dengan baik dalam poster.
C. Boleh mengelakkan kebosanan.
D. Pandangan yang sejuk pada rumput hijau.

23. Antara berikut hasil kraf yang manakah jarang menggunakan warna kontra?
I. Tembikar III. Ukiran
II. Anyaman IV. Tenunan
A. I dan II C. II dan III
B. I dan III D. III dan IV

24. Pilih pernyataan yang tidak benar.
A. Haiwan liar mempunyai unsur harmoni tetapi tidak pada haiwan jinak.
B. Rupa-rupa berimbangansimetri adalah berharmoni.
C. Susunan urat daun adalah berharmoni.
D. Susunan daun di ranting menimbulkan rupa yang berharmoni.

25. Bagi menghasilkan sebuah catan, aspek berikut perlu diteliti:
I. Pembahagian ruang
II. Sudut pandangan
III. Kedudukan subjek
IV. Kesesuaian subjek dengan tema
A. I dan II C. I, II dan IV
B. I, II dan III D. I, II, III dan IV

26. Pernyataan yang berikut menunjukkan terdapatnya prinsip pergerakan.
A. Air yang tenang di sebuah tasik
B. Wau digantung untuk menghiasi dinding
C. Burung-burung yang berterbangan di udara
D. Perahu yang sedang berlabuh di pelabuhan

27. Antara berikut yang manakah bukan media dalam lukisan?

- A. Pensel warna C. Dakwat dan berus
- B. Krayon D. Cat air

28. Lukisan boleh dihasilkan melalui pelbagai teknik. Apakah teknik yang digunakan untuk menghasilkan objek di atas?

- A. Lorekan C. Titik
- B. Campuran D. Garisan silang

29. Nyatakan media yang sesuai digunakan untuk menghasilkan lukisan teknik titik

- A. Dakwat dan berus C. Pen teknikal
- B. Pensel warna D. Oil pastel

30. Antara berikut media yang manakah sesuai digunakan untuk teknik gurisan?

- A. Arang C. Pensel warna
- B. Krayon D. Kapur tulis

31. Sebuah lukisan menjadi menarik dan berkesan jika

- A. olahan ton dan jalinan digubah dengan baik.
- B. menggunakan pensel untuk teknik titik.
- C. tidak mengambil kira kaedah nisbah keemasan.
- D. menggunakan hanya satu teknik untuk semua media kering.

32. Kesan pencahayaan ke atas objek penting kerana

- A. dapat menghasilkan kesan ton.
- B. objek akan kelihatan lebih jelas dan menarik.
- C. dapat mempelbagaikan rupa objek.
- D. dapat mewujudkan kesan bayang.

33. Apakah warna yang sesuai untuk menimbulkan suasana waktu senja dalam gubahan landskap anda?

- A. Hijau dan warna sejuk
- B. Biru, hijau dan ungu
- C. Coklat, merah dan kuning
- D. Merah, biru dan hijau

34. Apakah teknik yang digunakan oleh pelukis untuk menghasilkan gambar rajah di atas?

- A. Garisan silang
- B. Lorekan
- C. Garisan beralun
- D. Gosokan

35. Susun langkah berikut dalam proses menghasilkan lukisan.

- I. Melukis dengan member tumpuan kepada ton, jalinan, bentuk dan ruang.
 - II. Membuat beberapa lakaran bebas.
 - III. Membuat pemerhatian untuk memilih objek.
 - IV. Memilih lakaran yang sesuai untuk dilukis.
- A. I, II, III, IV C. III, II, IV, I
 - B. IV, II, III, I D. II, IV, III, I

36. Apakah maksud catan?

- A. Proses menggambar di atas sesuatu permukaan menggunakan pewarna atau media basah.
- B. Proses menggambar di atas permukaan rata menggunakan media kering.
- C. Proses menggambar menggunakan teknik lakaran pensel.
- D. Proses menggambar menggunakan pen.

37. Antara berikut kaedah yang manakah dipanggil catan?

- A. Menggunakan warna cair
- B. Melukis menggunakan warna pastel
- C. Penggunaan pen dan dakwat dalam penghasilan karya seni
- D. Memotong dan menampal kertas warna di atas permukaan kertas lukisan.

38. Antara berikut yang manakah bukan media catan?

- A. Cat minyak
- B. Cat air
- C. Pen
- D. Akrilik

39. Teknik cat air

_____ dianggap paling sukar dan mencabar.

- A. Basah atas basah C. Kering atas basah
- B. Basah atas kering D. Kering atas kering

40. Teknik cat air berikut akan menghasilkan warna tebal kecuali

- A. disapu berlapis-lapis.
- B. disapu bertindih-tindih.
- C. disapu dengan teknik kering atas kering.
- D. disapu dengan teknik basah atas basah.